Praktis Topikal 5

Bahagian A Soalan Objektif

Jawab **semua** *soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling* **tepat**.

5.1 Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka

1 Mengapakah Parameswara memilih Melaka untuk dijadikan negeri dan kota? m/s 72

A Mempunyai tanah yang subur
B Menjadi tarikan pedagang Barat
C Mempunyai kedudukan yang strategik
D Mendapat kerjasama daripada penduduk tempatan

2 Peta berikut menunjukkan Selat Melaka yang terlindung daripada tiupan angin monsun. m/s 72



Apakah kepentingan ciri tersebut?

A Dijadikan benteng pertahanan
B Mengawal laluan kapal dagang
C Menjadi panduan kapal dagang
D Kapal dagang berlabuh dengan selamat

3 Apakah ciri kepimpinan yang dimiliki oleh Parameswara dalam pengasasan Melaka?

A Kebijaksanaan m/s 73
B Keadilan
C Muafakat
D Kejujuran

5.2 Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka

4 Berdasarkan teks *Sulalatus Salatin*, pemerintah Melaka berasal dari zuriat keturunan anak m/s 74

A Raja Siak
B Raja Rokan
C Raja Inderagiri
D Raja Palembang

5 Konsep daulat dan alat kebesaran m/s 75

Mengapakah konsep tersebut penting dalam sistem pemerintahan kerajaan Melaka?

A Mengekalkan kuasa raja
B Memartabatkan kedudukan raja
C Mempertahankan kewibawaan raja
D Menjadikan kedudukan tertinggi dan istimewa raja

6 Pada pendapat anda, apakah sifat pemerintah Kesultanan Melayu Melaka yang menyebabkan pemerintahanya diterima rakyat? m/s 75

A Mempedulikan rakyat
B Menjaga kebajikan rakyat
C Mempunyai sikap wibawa
D Mengetatkan sistem perundangan

7 Apakah peranan pembesar dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka? m/s 76

I Memantapkan sistem pelantikan raja
II Membekalkan tenaga tentera
III Menjaga keamanan kawasan
IV Menjaga hubungan luar

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Apakah nama jawatan pembesar yang menjalankan tugas berikut dalam pentadbiran Sistem Pembesar Empat Lipatan? m/s 77

- Ketua polis dan penjara
- Pegawai protokol istana

A Bendahara
B Laksamana
C Temenggung
D Penghulu Bendahari

LIVEWORKSHEETS

9 Sistem serah merupakan pemberian sebahagian daripada hasil tanaman yang diusahakan oleh rakyat kepada pemerintah. Mengapakah sistem tersebut dilaksanakan? m/s 77

A Sebagai tanda persahabatan
B Sebagai balasan kepada pembesar
C Sebagai adat tradisi zaman dahulu
D Sebagai taat setia kepada pemerintah

10 Apakah tujuan Hukum Kanun Melaka dilaksanakan di Melaka? m/s 78

A Menjaga kestabilan negeri
B Menjamin keselamatan rakyat
C Mendaulatkan kedudukan negeri
D Meningkatkan kegiatan penerokaan

11 Maklumat berikut tentang Undang-undang Laut Melaka.

- Mempunyai 25 fasal
- Kandungannya berkaitan dengan tanggungjawab nakhoda
- Aktiviti perdagangan berjalan lancar

Undang-undang tersebut ditulis pada zaman pemerintahan m/s 78

A Sultan Mansor Shah
B Sultan Muzafar Shah
C Sultan Mahmud Shah
D Sultan Alauddin Riayat Shah

12 Maklumat berikut berkaitan dengan undang-undang adat.

- Diasaskan oleh Datuk Ketemenggungan
- Sistem perwarisan takhta berlaku secara teratur

Apakah undang-undang tersebut? m/s 79

A *Undang-undang 99 Perak*
B *Hukum Kanun Melaka*
C Adat Temenggung
D Adat Perpatih

13 Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka bergantung kepada m/s 79

A bertindak bijak dalam hubungan luar
B kepimpinan raja yang berwibawa
C bertindak tegas dalam peraturan
D kecekapan dalam kewangan

14 Gambar berikut merupakan **perkahwinan** Sultan Melaka dengan Puteri Majapahit.

Apakah tujuan perkahwinan tersebut? m/s 80

A Meluaskan kuasa kerajaan
B Memenuhi hasrat kerajaan
C Meningkatkan perdagangan
D Mengukuhkan hubungan persahabatan

15 Pembentukan empayar sesebuah kerajaan amat penting untuk menjaga kepentingan tertentu.
Mengapakah sesebuah kerajaan membentuk empayar? m/s 81

A Menjaga keamanan rakyat
B Menjaga kepentingan politik
C Memelihara kedudukan negeri
D Meningkatkan sumber ekonomi

16 Peta berikut merupakan pengaruh Islam di kepulauan Alam Melayu.



Apakah faktor yang mendorong kepada perkembangan pengaruh Islam tersebut? m/s 82

A Kepesatan perdagangan
B Pengislaman pemerintah
C Peningkatan pusat keilmuan
D Pengamalan sistem kepercayaan

LIVEWORKSHEETS

17 Mengapakah kita perlu menghormati amalan dan kepercayaan agama kaum lain di negara kita? m/s 83

A Menjaga sensitiviti agama
B Menjaga hubungan kaum
C Memelihara persahabatan
D Memelihara adat semua kaum

18 Apakah faktor yang membolehkan pelabuhan Melaka menjadi terkenal dan berkembang dengan pesat di Alam Melayu? m/s 84

A Banyak barangan yang diperdagangkan
B Kedudukan Melaka yang strategik
C Pelabuahan yang besar dan dalam
D Kemudahan tempat penginapan

19 Gambar berikut merupakan Replika Baluk di Muzium Melaka. m/s 85



Antara berikut, yang manakah dalam kategori yang sama dengan kapal tersebut?

I Bahtera
II Kakap
III Sagur
IV Jong

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20 Gambar berikut merupakan mata wang timah di pelabuhan Melaka.

Mata wang tersebut diperkenalkan semasa pemerintahan m/s 86

A Sultan Mansor Shah
B Sultan Muzaffar Shah
C Sultan Mahmud Shah
D Sultan Alauddin Riayat Shah

21 Ilustrasi berikut berkaitan dengan Orang Laut di pelabuhan Melaka. m/s 87

Apakah tugas dan peranan Orang Laut?

A Menjaga kebajikan pedagang
B Menjaga keselamatan
C Membaiki kapal
D Menunjuk arah

22 Apakah bahan dagangan yang diperoleh Melaka daripada Siam. m/s 89

I Emas
II Beras
III Kayu jati
IV Rempah ratus

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5.3 Pengakhiran Kesultanan Melayu Melaka yang Berpusat di Melaka

23 Maklumat berikut merupakan faktor kejatuhan Melaka.

- Kelemahan Sultan Mahmud Shah
- Perbalahan pembesar

Sekiranya anda pemimpin pada masa itu, apakah langkah yang akan anda ambil untuk mengatasi kelemahan tersebut? m/s 90

A Mengubah sikap dan berdamai
B Menguasai ilmu dan bersepakat
C Menyelidik strategi musuh dan bertindak tegas
D Perubahan penyampaian dan menghukum pesalah

LIVEWORKSHEETS